# MASwings henti 8 laluan domestik Sabah, Sarawak 1 Jan

## Keputusan menarik balik perkhidmatan laluan itu diputuskan kerajaan Malaysia sebagai sebahagian PSO dengan MOT

**KUCHING: MASwings akan menghentikan operasi lapan laluan domestik di Sabah dan Sarawak berkuat kuasa 1 Januari 2019.**

Menurut kenyataan akhbarnya semalam, laluan yang terjejas ialah Kota Kinabalu-Sandakan-Kota Kinabalu, Kota Kinabalu-Tawau-Kota Kinabalu, Kota Kinabalu-Miri-Kota Kinabalu, Kota Kinabalu-Sibu-Kota Kinabalu.

Selain itu, Kota Kinabalu-Bintulu-Kota Kinabalu, Kuching-Sibu-Kuching, Kuching-Bintulu-Kuching dan Kuching-Miri-Kuching.

Menurutnya, keputusan menarik balik perkhidmatan laluan tersebut telah diputuskan oleh kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Pengangkutan (MOT) sebagai sebahagian daripada Perjanjian Obligasi Perkhidmatan Awam (PSO) yang baharu dimeterai di antara MASwings dan MOT.

Laluan-laluan tersebut telah dikeluarkan oleh kerajaan menerusi Perjanjian PSO yang baharu kerana ia tidak lagi berada di bawah definisi PSO di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM).

Bagaimanapun katanya, keputusan itu tidak akan mengganggu perkhidmatan udara ke destinasi berkenaan kerana terdapat syarikat penerbangan komersial lain yang beroperasi.

Pihak MASwings telah memaklumkan kepada para penumpang yang terjejas melalui e-mel, pesanan mesej ringkas SMS dan panggilan telefon dengan memberi pilihan untuk menukar tarikh perjalanan mereka ke tarikh yang lebih awal, tertakluk kepada kekosongan tempat duduk atau untuk dibayar balik sepenuhnya.

Untuk pertanyaan lanjut, pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan 24 jam Malaysia Airlines menerusi 1300 88 3000 (dalam Malaysia) dan +6 03 7843 3000 (di luar Malaysia) atau ejen pelancongan masing-masing atau melawat pejabat tiket Malaysia Airlines/MASwings.

# Naroden tolak spekulasi terlibat kes tanah Kampung Lubok Bunting

**KUCHING:** Menteri Muda Usahawan dan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Datuk Mohd Naroden Majais menolak spekulasi yang mengatakan dirinya terlibat dalam kes tuntutan tanah melibatkan sekumpulan penduduk dari Kampung Lubok Bunting di Simunjan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gedong itu berkata, beliau tidak mempunyai kepentingan dalam perjanjian tanah terbabit.

Jelasnya, beliau hanya membantu penduduk kampung menerusi Ketua Menteri ketika itu yang juga Yang di-Pertua Negeri sekarang, Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud bertahun-tahun lalu.

"Apa yang saya ingat, saya hanya membantu mereka dalam dua perkara iaitu mereka yang tidak mempunyai tanah dan mereka yang mempunyai tanah tetapi terbiar dan bersedia menyerahkan tanah mereka kepada pelabur.

"Mereka menyertai usaha sama (JV) ini bersama dan peranan saya hanya membantu sahaja. Mereka yang tidak mempunyai tanah diberikan tanah tanpa sebarang bayaran.

"Setiap ketua keluarga diberi satu saham percuma dan semua orang telah menerima dividen interim bermula dari tahun pertama pelabur memasuki tapak tersebut," katanya kepada pemberita ketika menjawab dakwaan yang dibuat kumpulan yang diwakili peguam Dominique Ng yang mengetengahkan isu tersebut pada sidang media di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sarawak semalam.

Naroden berkata, saham percuma diberikan kepada lebih 4,000 ketua keluarga di Simunjan, Gedong dan semua kampung sepanjang Sungai Sadong dari Kampung Samsu sehingga Benat, Gumpey dan lain-lain.

Menurutnya, hampir semua penduduk kampung memutuskan untuk menjual saham mereka kepada pelabur dengan harga RM7,600 sesaham sebelum Hari Raya Aidilfitri yang lepas dan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14.

"Saya tidak ada kuasa atau kata putus mengenai penjualan itu kerana itu adalah hak mereka sama ada untuk mengekalkan atau menjual saham," jelasnya.

Naroden berkata, beliau mendapatkan 5,000 hektar tanah yang dipersetujui Taib untuk penduduk di kampung-kampung tersebut.

"Ini adalah untuk penduduk kampung kerana masyarakat Melayu tidak mempunyai tanah hak adat Bumiputera (NCR). Sebenarnya, saya tidak mengenali pun orang-orang yang kelihatan dalam gambar tersebut (dalam BP Online).

"Kecuali seorang individu yang merupakan ahli AMANAH (Parti Amanah Negara) yang menentang saya pada Pilihan Raya Negeri 2011. Orang-orang ini mungkin mereka yang tidak menjual saham mereka," jelas Naroden.

Menurutnya lagi, perjanjian tanah ini dimeterai lebih 10 tahun lalu dan beliau memerlukan masa untuk mengetahui apa yang sebenarnya berlaku dalam tempoh tersebut.

Beliau juga tertanya-tanya bagaimana kumpulan itu mendapatkan perangkaan mengenai lebih 1,000 penduduk kampung yang terjejas dalam tanah dengan kawasan lebih 1,000 ekar.

"Kampung ini (Kampung Lubok Bunting) hanya mempunyai 370 pengundi dan 80 rumah dan tidak mungkin ada 1,000 orang dan 1,000 ekar tanah dalam perjanjian itu. Saya tidak tahu apa yang mereka katakan.

"Perkara ini sudah dibawa kepada perhatian SPRM banyak kali. Jadi saya dapat menjelaskan dan saya tidak bimbang," tambah Naroden.



**TRAGEDI:** Mayat mangsa ditemui pagi semalam diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

## Mayat lelaki jatuh perahu di Sungai Baram ditemui

**MIRI:** Mayat lelaki dikhuatiri lemas setelah terjatuh dari perahu dinaiki bersama isterinya di Sungai Baram berdekatan Kampung Long Pilah pada Rabu lalu ditemui berhampiran lokasi kejadian awal pagi semalam.

Mayat mangsa, Lian Ngau, 55, ditemui pasukan mencari dan menyelamat (SAR) jam 6.30 pagi dalam radius 100 meter dari lokasi mangsa dilaporkan terjatuh.

Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Zon 6 Miri, Penguasa Kanan Bomba I Law Poh Kiong berkata operasi SAR semalam dimulakan jam 6 pagi bersama polis, RELA dan penduduk kampung.

"Kaedah 'water surface searching' digunakan untuk mencari dan akhirnya mayat mangsa berjaya ditemui dalam radius 100 meter dari lokasi mangsa jatuh.

"Keadaan air sungai cetek dan berbatu menyukarkan operasi menyelamat serta pergerakan bot," katanya dalam satu kenyataan media di sini semalam.

Mayat mangsa kemudiannya diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut dan operasi SAR ditamatkan jam 7 pagi semalam.

Dalam kejadian Rabu lalu, mangsa bersama isterinya dalam perjalanan pulang dari mencari buah durian di kebun sebelum perahu dinaiki berlanggar dengan sebatang kayu hanyut kira-kira jam 6.30 petang.

Perlanggaran dengan kayu itu menyebabkan perahu mereka karam dan mangsa bersama isterinya terjatuh ke dalam sungai.

Bagaimanapun, isteri mangsa sempat menyelamatkan diri selepas berpaut pada kayu yang terapung manakala mangsa hanyut dibawa arus sungai.

Sepasukan empat anggota Bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Marudi diketuai Pegawai Bomba Abong Raden kemudian ditugaskan ke lokasi kejadian pagi kelmarin bagi mencari mangsa selepas menerima laporan daripada Ibu Pejabat Polis Daerah Marudi.

# Empat suspek kes pecah rumah di Miri diberkas

**MIRI:** Polis berjaya memberkas empat individu yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kes pecah rumah di daerah ini dalam dua tangkapan berasingan pada 4 Disember dan semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Sarawak SAC Denis Leong berkata, tangkapan keempat-empat suspek dibuat Pasukan Teknikal JSJ Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Sarawak dan JSJ Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Miri.

"Pada 4 Disember lalu, hasil maklumat risikan polis berjaya menangkap seorang lelaki berusia 30 tahun.

"Susulan penangkapan suspek terbabit, polis berjaya menangkap tiga lagi suspek lelaki hari ini (semalam) masing-masing berusia 32, 37 dan 47 tahun di Taman Tunku," katanya dalam satu kenyataan media semalam.

Beliau berkata, berdasarkan tangkapan dan rampasan barang, polis berjaya mengaitkannya dengan lima kes pecah rumah yang dilaporkan sebelum ini.

"Dalam tangkapan itu, antara barang yang dirampas ialah seunit monitor komputer, seunit kamera video digital, 13 unit telefon bimbit, tiga tablet, sebuah kereta, seutas jam tangan dan seunit 'powerbank.'



**AKHIRNYA TUMPAS:** Pasukan polis berjaya menangkap salah seorang suspek di sebuah rumah di Taman Tunku.

"Polis juga menyiasat sama ada suspek-suspek terbabit turut terlibat dengan kes pecah rumah, curi kenderaan dan curi motosikal di kawasan-kawasan lain selain Taman Tunku," jelasnya.

Jelas Denis, pasukan risikan telah melakukan intipan terhadap kumpulan suspek ini di kawasan Taman Tunku sejak penghujung September lalu.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati sebanyak 74 kes terdiri daripada kes pecah rumah, pecah kereta dan curi kenderaan berjaya diselesaikan susulan penangkapan empat suspek terbabit.

# Penggiat teater muda perlu cuba pementasan bersifat komersial

**KUCHING:** Penggiat teater di kalangan anak muda di Sarawak perlu mencuba pementasan lebih bersifat komersial dan bukan sekadar mahu mendapat tempat di Pertandingan Festival Teater Malaysia (FTM).

Pensyarah Drama dan Teater Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Walid Ali percaya jumlah persembahan teater di Kuching tidak serancak di Kuala Lumpur.

"Namun, untuk membandingkan dua tempat itu adalah tidak adil kerana aspek jumlah penduduk, taraf ekonomi dan pendedahan kepada teater.

"Kebanyakan kumpulan teater obses menyertai FTM. Ada kumpulan membuat pementasan di Istana Budaya kerana mahu menghasilkan muzikal menjadi hit selepas kehadiran Puteri Gunung Ledang The Musical.

"Manakala di Kuching, kehadiran P Ramlee The Musical dan terkini Teater Sultan Tengah seakan-akan kurang memberi inspirasi kepada kumpulan teater," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut beliau, faktor ekonomi banyak mempengaruhi penghasilan teater kerana memerlukan sokongan pelbagai pihak dalam aspek kewangan.

Kewujudan bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) lama sebagai ruang pementasan teater juga dilihat masih memberi kesan lemah untuk merancakkan teater berskala besar atau sederhana di sini.

"Oleh itu, kebanyakan kumpulan teater memilih menghasilkan teater hanya untuk FTM," katanya sambil menambah kebanyakan ahli adalah penggiat amatur yang mempunyai kerja lain pada waktu pejabat.

"Jadi, untuk menghasilkan teater secara kerap ialah satu perkara sukar untuk dilaksanakan. Keadaan ini membuatkan kebanyakan pengkarya kurang berminat menghasilkan teater mandiri berskala kecil.

"Saya guna terma teater runcit untuk teater sebegini kerana teater runcit tidak berjalan dengan baik di Kuching," jelasnya.

Beliau berharap akan bertambah pengkarya baharu melalui Projek Spektrum dan apa sahaja projek mandiri lain diusahakan oleh pelbagai pihak.

Pada masa sama, pelajar universiti belajar teater perlu diberi pendedahan dan peluang berteater di sekitar Kuching bagi meneruskan legasi teater di sini.

## Simposium TVET 2019 platform bangun bakat, ekonomi digital

**KUCHING:** Simposium TVET 2019 akan diadakan di Hotel Pullman dari 19 hingga 21 Februari tahun depan sebagai platform ideal untuk memudahkan pembangunan bakat dalam ekonomi digital.

Menurut kenyataan akhbarnya semalam, program itu merupakan anjuran bersama Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak (MESTR) dan Pusat Pembangunan Keternama dari Malaysia dan luar negara.

Seramai 500 perwakilan dijangka menghadiri simposium berkenaan.

"Ia akan menjadi platform yang ideal untuk pihak berkepentingan yang terdiri daripada kerajaan, industri dan para akademik untuk meneroka cara-cara membangunkan bakat sedia ada untuk ekonomi digital.

"Dengan kewujudan Industri 4.0 dan ekonomi digital, mesti berkembang dalam usaha untuk menghasilkan graduan akan datang," katanya.

Peserta perlu membayar yuran persidangan sebanyak RM1,200 bagi setiap perwakilan yang boleh dituntut semula menerusi HRDF Claimable.

Untuk pendaftaran berkumpulan (minimum lima perwakilan), yuran yang dikenakan adalah RM1,000 bagi setiap perwakilan.

Maklumat lanjut boleh dipe-

# MBM terima banyak aduan mengenai masalah tikus

**MIRI:** Majlis Bandaraya Miri (MBM) menerima banyak aduan daripada orang awam mengenai masalah tikus di pasar-pasar dan tempat makan terbuka di sekitar bandar raya ini.

Timbalan Datuk Bandar MBM, Julaihi Mohamad berkata pihaknya mengambil perhatian serius terhadap isu terbabit.

"Malah, pasukan penguatkuasaan MBM dari sekdan paling penting mematuhi syarat dinyatakan dalam lesen terutama tidak membuang sisa makanan ke dalam longkang," katanya ditemui pada Hari Bertemu Pelanggan di sini semalam.

Menurutnya, tikus merupakan antara haiwan penyebar penyakit yang membawa wabak 'kencing tikus' atau leptospirosis.

Jelas beliau, usaha mengurangkan dan mengha-



mereka.

Aduan tertinggi diterima di bawah seksyen kejuruteraan dengan kes berkaitan runtuhan longkang, penyelenggaraan longkang, sambungan haram dan permintaan pemasangan lebih banyak lampu jalan.

Di bawah seksyen kesihatan awam, MBM menerima kes berkaitan masalah tikus di beberapa kawasan komersial sekitar bandar raya

PRINTED AND DISTRIBUTED BY PRESSREADER
PressReader.com +1 604 278 4604
COPYRIGHT AND PROTECTED BY APPLICABLE LAW

mahiran Sarawak (PPKS).

Simposium itu dijangka dirasmikan oleh Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg.

Pengarah Eksekutif PPKS Hallman Sabri berkata, simposium itu akan menampilkan beberapa penceramah

terdapat keperluan mendesak untuk membincangkan pelbagai wacana dan pada masa yang sama, berkongsi amalan terbaik dalam bidan TVET.

"Ini termasuk dalam Pembangunan Strategik Modal Insan, dan bagaimana TVET

rolehi dari laman web simposium tvet2019.ppks.edu.my.

Pertanyaan boleh dihantar ke sekretariat simposium di 0112-9929916 (untuk kedua-dua mesej WhatsApp aau panggilan telefon) juga melalui e-mel tvet2019@ppks.edu.my.

syen kesihatan awam kerap melakukan pemeriksaan kebersihan ke tempat-tempat makan dan pasar di bawah bidang kuasa MBM.

"Oleh itu, kita mohon kerjasama dan komitmen pengendali makanan memastikan premis mereka bersih

puskan jumlah tikus di tempat awam tidak hanya bergantung sepenuhnya kepada MBM tetapi memerlukan kerjasama semua pihak terutamanya pengendali makanan.

"Justeru, MBM merancang menganjurkan lebih banyak

JULAIHI

aktiviti melibatkan pelbagai pihak bagi menangani isu terbabit di tempat-tempat awam," jelasnya.

Pada Hari Bertemu Pelanggan itu, MBM menerima sepuluh aduan mengenai pelbagai perkhidmatan

ini.

Selain itu, MBM turut menerima aduan awam menggesa pasukan penguat kuasa mengambil tindakan terhadap pemilik kedai menyalahgunakan jalan kaki lima bagi mempamerkan barangan jualan mereka.

pressreader PRINTED AND DISTRIBUTED BY PressReader.com COPYRIGHT AND PROTECTED